

PENGARUH KEBERKATAN AL-AQSA TERHADAP PERPADUAN UMAT ISLAM DI AKHIR ZAMAN

THE IMPACT OF THE BLESSING OF AL-AQSA ON THE UNITY THE MUSLIM UMMAH IN THE END TIMES

Khadijah Kamaruddin^{1*}

Syaimak Ismail²,

Marina Abu Bakar³

¹ Khadijah Kamaruddin, Postgraduate Student ACIS UITM Arau

(E-mail: 2022302153@isiswa.uitm.edu.my)

² Syaimak Ismail, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Perlis

(E-mail: syaimak@uitm.edu.my)

³ Marina Abu Bakar, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Perlis

(E-mail: marinaab@uitm.edu.my)

* Khadijah Kamaruddin : 2022302153@isiswa.uitm.edu.my

Article history

Received date : 25-8-2025

Revised date : 26-8-2025

Accepted date : 27-9-2025

Published date : 16-10-2025

To cite this document:

Kamaruddin, K., Ismail, S., & Abu Bakar, M. (2025). Pengaruh keberkatan Al-Aqsa terhadap perpaduan umat Islam di akhir zaman. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (77), 224 – 233.

Abstrak: Masjid Al-Aqsa, sebagai salah satu tapak suci utama dalam Islam yang merupakan tempat sejarah yang menyimpan aspek keberkatan yang berterusan dan simbol perpaduan umat Islam berdasarkan kajian Akidah, terutamanya menjelang akhir zaman. Konflik yang berlaku dalam sejarah al-Aqsa serta penjajahan Zionis mengakibatkan kedudukan al-Aqsa sering dihipit penindasan serta kezaliman terhadap penduduk Palestin. Walaupun begitu, umat Islam perlu berhadapan kekejaman Zionis dan perlu mempertahankan al-Aqsa yang merupakan kiblat pertama Umat Islam. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji aspek keberkatan Al-Aqsa menurut al-Quran dan Sunnah serta menganalisis peranannya sebagai pemangkin solidariti umat Islam, kajian ini menggunakan metodologi kualitatif kajian perpustakaan, data dikumpulkan dan dianalisis daripada teks-teks keagamaan primer (al-Quran dan Hadis) dan sekunder (kitab tafsir, syarah hadis, dan karya ulama kontemporari). Kajian ini menghuraikan bagaimana Al-Aqsa disebutkan dalam naratif eskatologi Islam dan bagaimana persepsi tentang keberkatan serta ancaman terhadapnya telah memupuk kesedaran kolektif umat Islam. Penemuan awal menunjukkan bahawa Al-Aqsa merupakan medan ujian umat Islam. Walaubagaimanapun tanah ini menyimpan keberkatan yang bersifat iman yang berfungsi sebagai motivasi spiritual, manakala isu-isu kontemporari Al-Aqsa, terutamanya pendudukan dan pencabulan kesuciannya, mampu memperkukuh ikatan persaudaraan dan kesedaran geopolitik dalam kalangan umat Islam. Kajian ini menyimpulkan bahawa pemahaman mendalam tentang Al-Aqsa, dari sudut pandang keberkatan merupakan asas kesatuan umat Islam berdasarkan konsep Akidah dan Iman.

Kata kunci: Al-Aqsa, Keberkatan, Akhir Zaman

Abstract: *Al-Aqsa Mosque, as one of the principal sacred sites in Islam, represents a locus of enduring divine blessing and serves as a powerful symbol of Muslim unity from the perspective of Islamic theology ('Aqidah), particularly in the context of the end times. The historical conflicts surrounding Al-Aqsa, coupled with the ongoing Zionist occupation, have resulted in persistent oppression and injustice toward the Palestinian people. Despite these challenges, Muslims are compelled to confront Zionist aggression and uphold the sanctity of Al-Aqsa, which holds the distinction of being the first qibla (direction of prayer) for the Muslim community. This study aims to examine the concept of barakah (blessing) associated with Al-Aqsa as articulated in the Qur'an and the Sunnah, and to analyze its role as a catalyst for fostering solidarity among Muslims. Employing a qualitative methodology through library-based research and textual analysis, this study explores the portrayal of Al-Aqsa within the framework of Islamic eschatology. The findings indicate that Al-Aqsa is portrayed in prophetic traditions (hadith) as a central locus for the resurgence of Islam in the eschatological era. The existence of Al-Aqsa and its surrounding blessed land functions as a source of spiritual motivation, inspiring continued struggle and perseverance in the effort to liberate it. Moreover, the contemporary issues related to Al-Aqsa that persist across time contribute to the strengthening of Muslim brotherhood and geopolitical awareness within the global Islamic community. This study concludes that a profound understanding of Al-Aqsa particularly from the theological perspective of its barakah constitutes a foundational element for the unity of the Muslim ummah, grounded in the principles of faith (iman) and creed ('aqidah).*

Keywords: *Al-Aqsa, Blessing, End Time*

Pendahuluan

Keberkatan adalah konsep yang sangat penting dalam ajaran Islam dan sering menjadi fokus dalam kehidupan umat. Keberkatan tidak hanya berkaitan dengan aspek material, tetapi juga meliputi aspek spiritual, sosial, dan emosional. Keberkatan dapat didefinisikan sebagai keadaan di mana sesuatu itu menjadi lebih baik, lebih bermanfaat, dan lebih berharga daripada yang sepatutnya. Konsep keberkatan juga sering kali dianggap sebagai anugerah dari Allah yang memberikan nilai tambah kepada sesuatu, sama ada berupa harta, waktu, atau hubungan. Dalam Islam, keberkatan tempat di antara perkara yang disebut dan dijelaskan di dalam al-Quran dan Sunnah seperti keberkatan masjid al-Haramain dan al-Aqsa. Amalan tabarruk, atau mencari keberkatan dari tempat-tempat ini, adalah salah satu kaedah untuk mendekatkan diri kepada Allah (Khadijah Kamaruddin et al 2024).

Definisi al-Barakah

Keberkatan bukan hanya terhad kepada jumlah atau kuantiti, tetapi lebih kepada kualiti dan manfaat yang diperoleh dari sesuatu. Barakah diterangkan sebagai berkat, rahmat, atau kurniaan ilahi (Mawrid, 2001). Al-Barakah: Dalam bahasa Arab, "barakah" bermaksud pertambahan, kebaikan, dan rahmat. Keberkatan merujuk kepada keadaan di mana sesuatu itu menjadi lebih baik, lebih bermanfaat, dan lebih produktif daripada yang diharapkan. al-Barakah juga bermaksud limpahan kebaikan dan kebahagiaan (al-Azhari:2002). Dalam konteks tempat, keberkatan menunjukkan bahawa lokasi tersebut membawa kebaikan dan manfaat kepada orang yang berada di dalamnya. Antaranya seperti masjidil Haram, masjid Nabawi yang mana beribadah di sana mendapat pahala solat berlipat ganda.

Sumber keberkatan dalam Islam dapat datang dari pelbagai aspek, termasuk ibadah dengan ikhlas dan penuh kesungguhan, seperti solat, puasa, dan zakat, dapat mendatangkan keberkatan

dalam hidup seseorang. Ibadah yang dilakukan dengan niat yang baik akan membawa kepada keberkatan yang lebih besar (Ibn Kathir, 1999). Memohon kepada Allah untuk diberikan keberkatan dalam segala urusan adalah amalan yang sangat dianjurkan. Doa yang tulus dan penuh harapan dapat menjadi salah satu cara untuk menarik keberkatan ke dalam hidup (Al-Ghazali, 2000).

Keberkatan Al-Aqsa

Keberkatan tempat bukan suatu kepercayaan bersifat mitos atau budaya semata-mata. Ianya telah melalui proses pengesahan melalui dalil wahyu dan pengkajian ilmiah. Banyak kajian akademik dalam bidang pengajian Islam dan sejarah telah membuktikan bahawa konsep barakah atau keberkatan mempunyai asas kukuh dalam al-Quran, Sunnah, serta ijthihad para ulama. Hal ini membuktikan bahawa keberkatan tempat bukan hanya soal ;olaso dan tempat, tetapi merupakan satu bentuk hubungan tersendiri antara ruang dan wahyu yang memberikan kesan mendalam kepada kehidupan seorang Muslim. Keberkatan dalam Islam bukanlah tertumpu kepada bentuk zahir semata-mata, tetapi lebih kepada makna spiritual, sejarah, dan peranan ibadah. Kefahaman ini wajar dipelihara dan dihargai, agar umat Islam tidak hanya melihat tempat-tempat suci sebagai lokasi pelancongan, tetapi sebagai ruang mendidik jiwa dan mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Konsep keberkatan tempat memainkan peranan penting dalam membentuk hubungan spiritual antara manusia dengan ruang ibadah dan sejarah keagamaan. Keberkatan tersebut tidak semata-mata terletak pada unsur fizikal seperti dinding, pasir atau pohon, tetapi berpunca daripada pengisian rohani yang berlaku di sesuatu tempat seperti amalan ibadah, doa yang dipanjatkan, serta peristiwa-peristiwa besar yang berkait dengan para nabi dan rasul. Islam mengangkat tempat ibadah seperti masjid dan tanah-tanah suci sebagai ruang yang mendekatkan manusia kepada Tuhan. Masjid bukan sekadar ruang ritual, tetapi berfungsi sebagai pusat pengukuhan keimanan, penyatuan umat, serta tempat penyebaran ilmu dan nilai-nilai murni. Tempat seperti Masjidil Haram, Masjid Nabawi, dan Masjid al-Aqsa telah diberi pengiktirafan khusus dalam al-Quran dan hadis kerana kaitannya dengan sejarah para nabi dan peristiwa penting dalam Islam.

Masjid Al-Aqsa, yang terletak di Baitulmaqdis, merupakan salah satu tempat paling suci dalam Islam, disebut secara khusus dalam Al-Qur'an sebagai "masjid yang Kami berkati sekelilingnya" (Surah Al-Isra': 1). Keberkatan (barakah) Al-Aqsa bukan sekadar bersifat spiritual, tetapi juga menyimpan sejarah umat Islam, kerana ia merupakan kiblat pertama umat Islam dan lokasi utama peristiwa Isra' dan Mi'raj Nabi Muhammad SAW. Kini, Al-Aqsa menghadapi ancaman serius akibat penjajahan Israel yang melanggar status quo dan hak umat Islam ke atas tapak suci tersebut. Penjajahan ini bukan sahaja menjejaskan kesucian tempat ibadah, tetapi juga mengakibatkan penderitaan rakyat Palestin akibat kekerasan, sekatan ekonomi, dan peminggiran sosio-politik. Selain al-Aqsa, masjid Nabawi di Madinah dan Masjid al-Haram Mekah merupakan antara tempat yang diberkati Allah.

Maksud firman Allah: *(Sesungguhnya Rumah Ibadat yang mula-mula dibina untuk manusia (beribadat kepada Tuhannya) ialah Baitullah yang di Makkah yang berkat dan (dijadikan) petunjuk hidayah bagi umat manusia)* (Ali Imran : 96)

Maksud Firman Allah lagi : *(Jadikanlah oleh kamu maqam (tempat berdiri Nabi Ibrahim ketika membina Kaabah) Ibrahim tempat solat)* (al-Baqarah:125).

Sementara Nabi s.a.w bersabda yang bermaksud : *(Janganlah kamu bepergian kecuali ke tiga masjid: Masjidil Haram, masjid Rasulullah dan masjid al-Aqsa)*(Riwayat al-Bukhari).

Aspek keberkatan bumi syam itu termasuk keberkatan Masjidil Aqsa yang mempunyai tanah yang subur, sungai dan juga buah-buahan tumbuh subur. Ianya merupakan tanah kelahiran para anbiya dari keturunan Nabi Ibrahim (K Kamaruddin et al 2022). Ibn Kathir menyatakan bahawa Masjid Al-Aqsa adalah tempat yang diberkati kerana ia adalah lokasi yang dipilih oleh Allah untuk peristiwa Isra' dan Mikraj, di mana Nabi Muhammad SAW menerima wahyu dan perintah solat (Ibn Kathir 1999). Al-Qurtubi (2003) menekankan bahawa keberkatan Al-Aqsa bukan sahaja terletak pada tempatnya, tetapi juga pada sejarah dan peranan pentingnya dalam agama Islam. Al-Aqsa adalah simbol perpaduan dan perjuangan umat Islam. Menurut Sayyid Qutb, S. (2000) keberkatan Al-Aqsa mencerminkan hubungan di antara Sang pencipta dan hambanya. Beliau menekankan al-Aqsa adalah simbol perpaduan dan perjuangan umat Islam, di mana keberkatan yang ada di sekelilingnya harus dihargai dan dipertahankan. Keberkatan ini menunjukkan Al-Aqsa adalah tempat yang penuh dengan rahmat dan kebaikan dari Allah. Umat Islam digalakkan untuk menghargai dan mempertahankan tempat suci ini, serta mengambil iktibar dari keberkatan yang ada di sekelilingnya. Keberkatan bukan sahaja terhad kepada tempat, tetapi juga merangkumi rezeki, waktu, dan ilmu yang memberi manfaat kepada kehidupan umat Islam. Al-Ghazali berpendapat bahawa makam nabi adalah tempat yang penuh dengan rahmat dan keberkatan. Beliau menggalakkan umat Islam untuk mengunjungi tempat-tempat ini sebagai tanda penghormatan dan untuk mendapatkan keberkatan (Al-Ghazali 2000). Sementara Ibn Kathir menyebut bahawa keberadaan makam nabi-nabi di sekitar Al-Aqsa menunjukkan bahawa kawasan ini adalah pusat spiritual yang penting dan ianya harus dihormati dan dipelihara (Ibn Kathir 1999).

Objektif Kajian

Kajian ini menganalisa berkaitan al-Aqsa terhadap perpaduan umat Islam di akhir zaman.

Metodologi Kajian

Metod kajian ini akan menggunakan pendekatan kualitatif dengan analisis literatur sebagai asas utama. Sumber-sumber yang akan digunakan termasuk buku, artikel jurnal yang berkaitan konsep keberkatan, sejarah penjajahan, serta hadis akhir zaman dalam perbincangan Akidah Islam. Data akan dikumpulkan melalui kajian pustaka yang melibatkan sumber-sumber akademik dan ilmiah, termasuk tafsir Al-Qur'an, karya ulama klasik dan kontemporari.

Mempertahankan al-Aqsa kewajipan Umat Islam

Sejak berabad-abad, masjid ini telah menjadi medan pertempuran terhadap penjajahan dan penindasan serta pertumpahan darah. Al-Quds merupakan kota suci sepertimana dinyatakan Allah kepada kaum Nabi Musa. Maksud firman Allah *(Hai kaumku, masuklah ke tanah suci (Palestina) yang telah ditentukan Allah bagimu, dan janganlah kamu lari kebelakang (karena takut kepada musuh), maka kamu menjadi orang-orang yang rugi)* (al-Maidah:21)

Ulama seperti Sayyid Qutb menekankan pentingnya menjaga dan mempertahankan Al-Aqsa sebagai kehormatan umat Islam. Sejak 1967, Israel mula mengawal sepenuhnya Masjid Al-Aqsa dan cuba mengubah status quo dengan mengganggu jemaah Muslim, perkara ini terut mengganggu kedaulatan negara Palestin dan menjadi ancaman terhadap kehidupan rakyat Palestin. Rancangan Israel untuk menukar struktur Al-Aqsa semakin giat, termasuk usaha meruntuhkan bangunan sekitar masjid untuk pembangunan Yahudi. Pembinaan pemukinan haram penjajah menjejaskan ketenteraman penduduk asal, bahkan penduduk kampung juga diusir dari tempat tinggal sendiri. Diskriminasi terhadap umat islam diteruskan Israel dengan

menghalang umat islam beribadah di dalam masjid, sedangkan puak Yahudi dan Zionis diberikan kebebasan memasuki kawasan suci Islam. (Abu Sway, M. 2020)& (Khalidi, R. 2023).

Kepentingan sejarah Masjid Al-Aqsa bukan hanya sebagai sebuah tapak ibadah, tetapi sebagai lokasi sejarah yang membentuk identiti ketiga-tiga agama samawi-Islam, Kristian dan Yahudi. Dalam kontes Islam, Al-Aqsa memainkan peranan penting dalam pembentukan identiti budaya umat Islam, manakala bagi penganut Yahudi, ia melambangkan kerinduan terhadap pemulihan Kuil Sulaiman yang pernah berdiri di lokasi yang sama. Selain daripada aspek budaya dan keagamaan, implikasi politik sangat berkait rapat dengan status tapak tersebut. Morris menegaskan kawalan terhadap Al-Aqsa mempunyai dimensi geopolitik yang kompleks, mencerminkan ketegangan yang lebih luas dalam konflik Timur Tengah (Morris, B. 2021). Sementara Smith J. (2021) menjelaskan bahawa bagi umat Islam, Al-Aqsa merupakan masjid ketiga paling suci selepas Masjidil Haram dan Masjid Nabawi. Kedudukan ini berdasarkan peristiwa Isra' dan Mi'raj yang disebut dalam al-Quran, di mana Nabi Muhammad SAW diperjalankan ke Al-Aqsa sebelum naik ke langit.

Dalam pegangan umat Islam, memelihara dan membebaskan Al-Aqsa adalah kewajipan bersama umat Islam, bukan hanya sebagai simbol perlindungan warisan agama, tetapi juga sebagai bentuk solidariti terhadap saudara seakidah yang tertindas. Kepentingan mempertahankan al-Aqsa juga turut dikaitkan dengan hadis-hadis akhir zaman, di mana Baitulmaqdis akan menjadi lokasi utama peristiwa penting seperti kemunculan Dajjal dan turunnya Nabi Isa AS.

Sabda nabi s.a.w yang bermaksud:

Kemudian Allah mengutuskan Al-Masih bin Maryam (Nabi 'Isa). Maka dia akan turun di sisi menara putih di sebelah timur Damsyik (Syam), mengenakan dua helai pakaian yang diselup dengan warna kekuningan, meletakkan kedua tangannya di atas sayap dua malaikat. Apabila dia menundukkan kepalanya, air akan menitis; dan apabila dia mengangkat kepalanya, menitis seperti mutiara. Maka tidak ada seorang pun yang mencium bau nafasnya melainkan akan mati, dan nafasnya sejauh mata memandang

(Hadis Riwayat Muslim)

Seterusnya Isa akan membunuh Dajjal sepertimana dalam sebuah hadis yang bermaksud: *Isa bin Maryam akan membunuh Al-Dajjal di Bab Ludd) (Hadis Riwayat al-Tirmizi dan Sahih Ibn Hibban)*

Justeru, usaha mempertahankan Al-Aqsa adalah suatu keperluan yang menggabungkan dimensi akidah, kemanusiaan, dan strategi global umat Islam. Peranan umat Islam dalam menyokong pembebasan al-Aqsa adalah berdasarkan dalil syarak dan realiti semasa. Ulama bersepakat bahawa tanah Palestin adalah waqf Islami (tanah wakaf dan menjadi amanah umat Islam) yang tidak boleh diserahkan kepada pihak penjajah. Umat Islam perlu memberi sokongan material, diplomatik, dan doa untuk rakyat Palestin. Sementara masyarakat global perlu diingatkan tentang sejarah Al-Aqsa dan penindasan Israel (Al-Qaradawi, Y. 2019) & (El-Awaisi, A. 2021). Al-Husseini menyeru agar negara-negara Islam menunjukkan sokongan dan solidariti antarabangsa dalam mempertahankan kesucian Masjid Al-Aqsa. Beliau menekankan bahawa tanggungjawab mempertahankan tempat suci ini adalah tanggungjawab bersama seluruh umat Islam, bukan hanya kewajipan rakyat Palestin.

Seorang ahli sejarah barat menggambarkan keadaan di Gaza dan Tebing Barat sebagai bentuk “*genocide*” berperingkat, di mana kemusnahan infrastruktur dan keadaan hidup yang semakin merosot secara perlahan-lahan menghapuskan kewujudan rakyat Palestin. Beliau menyeru tekanan antarabangsa terhadap Israel, agar mereka menghentikan dasar penjajahan dan pelucutan hak ke atas rakyat Palestin. Pappé juga menyokong gerakan Boikot, *Divestment*, and Sanctions (BDS) sebagai satu usaha penting untuk meningkatkan kesedaran global dan menuntut keadilan. Boikot merujuk kepada menjauhi atau menghentikan pembelian dan penggunaan produk, perkhidmatan, atau institusi yang berkaitan dengan syarikat yang menyokong penjajahan Israel di Palestin. *Divestment* iaitu menyeru individu, institusi (seperti universiti, syarikat, dan kerajaan) untuk menghentikan pelaburan kewangan dalam syarikat yang mendapat keuntungan daripada penjajahan dan pelanggaran hak Palestin dan mendesak negara-negara supaya mengenakan sekatan diplomatik, ekonomi dan ketenteraan terhadap Israel. Pappé, I. (2021). Fatwa ulama menunjukkan secara umumnya, hukum boikot barangan Israel menjadi fardu ain ke atas setiap umat Islam (Mohd Yunus et al 2018).

Selain itu umat Islam sewajarnya berpadu tenaga menentang keganasan Israel melalui gabungan NGO. Bertepatan dengan usaha ini Nabi s.a.w bersabda yang bermaksud: *Sesiapa yang tidak mengambil berat urusan umat Islam, maka dia bukan daripada mereka.*” (Hadis Riwayat Tabrani). Kesedaran Pendidikan sajarah umat Islam dan Palestin perlu diterapkan kepada pala pelajar terhadap kepentingan memelihara al-Aqsa. Generasi muda perlu memahami isu umat Islam dan mengambil berat urusan umat Islam. Walaupun di sana terdapat pemimpin Arab yang meengabaikan isu Palestin dan memilih untuk menjaga kepentingan ekonomi dan politik. Perkara ini tidak sekali membawa keuntungan kepada kepentingan rakyat Palestin, bahkan lebih kepada menzalimi saudara seislam sendiri.

Nabi Muhammad SAW juga bersabda yang bermaksud: *“Seorang Muslim adalah saudara kepada Muslim yang lain, dia tidak akan menzalimi atau membiarkannya dizalimi.”* (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim). Hadis ini mengajar kita untuk saling menjaga dan melindungi, bukannya menzalimi. Kezaliman adalah perbuatan yang dilarang keras dalam Islam, dan ia tidak sepatutnya dilakukan terhadap sesiapa pun, terutamanya sesama Muslim. Menzalimi saudara seiman termasuklah melakukan jenayah, merampas hak, atau menyebabkan penderitaan kepadanya. Al-Quran dan hadis menegaskan bahawa semua orang Islam adalah bersaudara. Ini mewujudkan ikatan yang kuat di antara umat Islam dan mendorong mereka untuk saling menyayangi, menghormati, dan membantu antara satu sama lain. Dalam usaha ini, Ukhuwah *Islamiyah* adalah sesuatu yang sangat penting dalam kehidupan seharian kerana Allah menjadikan manusia adalah untuk memupuk ukhuwah dan kesatuan umat islam yang harmoni (Aishah Mardhiah et al 2023).

Amalan ukhuwah, *ta‘awun* (saling membantu), dan *tasāmmuh* (toleransi) menyumbang kepada pengukuhan hubungan interpersonal dan kesatuan dalam komuniti berbilang budaya Ismail, I. L. M., Aziz et al (2024). Konsep sosial Islam seperti *tasāmmuh*, *mahabbah*, dan *ta‘āmul* diturunkan berdasarkan prinsip Piagam Madinah sebagai asas pembentukan masyarakat yang damai dan berpadu, Mohd Khambali et al (2021). Piagam Madinah menghimpunkan kaum Muhajirin dan Ansar dan menilai perpaduan umat Islam menjamin kesejahteraan dan keamanan sejagat. Prinsip kesatuan ini menolak sebarang bentuk pengkhianatan, penindasan atau ketidakadilan dalam masyarakat. Ia menjadikan keadilan dan keharmonian sosial sebagai prinsip utama, selaras dengan ajaran Islam yang menyuruh umatnya hidup dalam keadaan aman dan sejahtera. Walaupun Piagam Madinah disusun lebih 1400 tahun yang lalu, prinsip kesatuan umat Islam masih relevan hingga ke hari ini. Dalam era globalisasi yang sarat dengan cabaran

perpecahan, fahaman ekstremisme, dan krisis identiti umat, prinsip ukhuwwah Islamiyyah menjadi asas penting untuk memupuk perpaduan dan solidariti. Ia juga menjadi landasan untuk menolak segala bentuk isu perkauman, nasionalisme sempit, dan fanatisme mazhab yang sering memecahbelahkan umat Islam. Usaha murni ukhuwwah Islamiyah akan memupuk kesatuan umat Islam dalam membela al-Aqsa dan umat Islam di Palestin.

Al-Aqsa Lambang Perpaduan Umat Islam

Keberkatan Baitul Maqdis telah dijelaskan di dalam al-Quran serta hadis merangkumi keberkatan geografi dan penjelasan eskotologi sepertimana penjelasan yang lalu. Walaupun pada hari ini kedudukan tanah Syam terbahagi kepada beberapa buah negara yang berbeza seperti Jordan, Syria, Palestin dan Lubnan (Taqqush, M. S. 2024). Berdasarkan hadis-hadis akhir zaman Palestin dan Syam itu menjadi lokasi yang utama dalam peristiwa yang bakal menjelang pada akhir zaman.

Masjid al-Aqsa, yang terletak di kota al-Quds (Jerusalem), merupakan antara tempat suci terpenting dalam Islam selepas Masjid al-Haram di Makkah dan Masjid Nabawi di Madinah. Selain kepentingannya dalam sejarah awal Islam dan peristiwa Isra' dan Mi'raj, al-Aqsa juga memainkan peranan penting dalam perbincangan hadis-hadis akhir zaman. Hadis-hadis akhir zaman menggambarkan Baitul Maqdis (kawasan yang merangkumi Masjid al-Aqsa) sebagai salah satu medan utama dalam konflik besar antara kebenaran dan kebatilan, menjelang hari kiamat. Kedudukannya dalam hadis tidak hanya bersifat geografi, tetapi juga simbolik kepada perjuangan iman, keadilan dan penentangan terhadap kezaliman global.

Syam dan khususnya Baitul Maqdis adalah lokasi yang menyaksikan kerasulan nabi-nabi terdahulu seperti Nabi Ibrahim, Nabi Musa dan Nabi Isa. Wilayah Syam bukan hanya bersejarah, malah akan menjadi tapak perjuangan terakhir antara kebenaran dan kebatilan, menjelang turunnya Nabi Isa AS. dan munculnya Dajjal. Terdapat hadis-hadis sahih yang mengaitkan Syam dan Baitul Maqdis sebagai medan akhir zaman bagi umat Islam. Salah satu peristiwa penting yang disebut dalam hadis akhir zaman ialah turunnya Nabi Isa a.s., yang menurut banyak riwayat, akan berlaku di sekitar kawasan Syam dan akan menuju ke Baitul Maqdis.

(Lalu turunlah Isa bin Maryam di menara putih sebelah timur Damsyik, kemudian beliau berjalan ke Baitul Maqdis)

(Riwayat Muslim)

Hadis ini menunjukkan Syam atau timur Damsyik merupakan lokasi utama sebagai tempat Nabi Isa a.s. akan bergabung bersama Imam Mahdi dan umat Islam untuk memerangi Dajjal. Ini menunjukkan bahawa Baitul Maqdis akan menjadi pusat tumpuan utama gerakan akhir zaman dalam menegakkan kebenaran. Hadis-hadis sahih turut merujuk kepada pertempuran besar antara umat Islam dan golongan zalim yang bersekutu dengan Dajjal. Dalam konteks ini, Baitul Maqdis dilihat sebagai markas perjuangan Islam terakhir. Sabda Nabi s.a.w yang bermaksud:

(Akan sentiasa ada segolongan daripada umatku yang menang atas kebenaran, mereka tidak akan dapat dikalahkan oleh sesiapa pun yang menentang mereka sehingga datang perintah Allah, dan mereka tetap dalam keadaan demikian. Para sahabat bertanya: Di manakah mereka itu, wahai Rasulullah? Baginda menjawab: Di Baitul Maqdis dan sekitar Baitul Maqdis).

(Riwayat Ahmad dan al-Tabarani dinilai sahih oleh al-Albani)

Hadis ini menunjukkan tentang kedudukan Masjid al-Aqsa dalam hadis akhir zaman juga merupakan simbol perjuangan umat akhir zaman. Oleh itu, pemahaman terhadap peranan al-Aqsa dalam konteks eskatologi Islam bukan sahaja memperkukuhkan iman terhadap Rasulullah SAW, tetapi juga menyeru umat Islam agar lebih peka terhadap isu-isu yang melibatkan maruah dan masa depan tempat suci ini. Bukti kesatuan umat Islam di akhir zaman adalah kejayaan penguasaan semula Masjid al-Aqsa oleh umat Islam setelah melalui zaman penindasan dan penjajahan zionis. Hal ini difahami sebagai petanda kebangkitan semula umat Islam dan kejatuhan sistem-sistem Israel yang zalim dan menindas dengan kemasukan umat Islam ke dalam al-Aqsa secara aman. Oleh itu perlu difahami bahawa keberkatan al-Aqsa ini menuntut agar umat Islam terus memelihara, mempertahankan dan memberi perhatian khusus terhadap Baitul Maqdis dan wilayah Syam dalam doa dan tindakan.

Masjid al-Aqsa dan wilayah sekitarnya (Palestin) sedang menghadapi penjajahan dan serangan berterusan Israel terhadap rakyat Palestin. Dalam hadis, Nabi Muhammad ﷺ menyebut bahawa akan sentiasa ada sekelompok umat Islam yang mempertahankan kebenaran di sekitar Baitulmaqdis hingga hari kiamat, maksud hadis berikut:

(Akan sentiasa ada satu kelompok dari umatku yang tampil mempertahankan kebenaran, mereka berada di Baitulmaqdis dan sekitarnya)

(HR. Ahmad, sahih)

Kesimpulan dan Perbincangan

Masjid al-Aqsa menjadi lambang kesedaran dan perpaduan umat Islam sedunia. Saat al-Aqsa dizalimi, umat Islam yang benar-benar beriman akan merasa bertanggungjawab untuk bangkit dan menuntut keadilan. Seewajarnya perjuangan membebaskan al-Aqsa perlu bersifat holistik dan strategik. Ia bermula dari kesedaran Akidah dan tanggungjawab iman sehingga menumbuhkan jiwa yang menginginkan merdeka dan bersedia untuk berada di barisan hadapan. Selain itu dari segi politik umat Islam perlu bijak mengenal gerak geri lawan serta mengenakan tekanan diplomatik terhadap kezaliman memutuskan hubungan, atau membawa isu ini ke badan antarabangsa. Bantuan kemanusiaan adalah tanda solidariti dan kasih sayang sesama saudara seagama. Berdoa untuk keselamatan saudara Palestin serta menunjukkan sokongan moral.

Selain itu umat Islam perlu bersedia dengan fitnah akhir zaman seperti gejala keruntuhan moral, kemunculan pelbagai ideologi, peperangan dan penindasan terhadap Islam. Persediaan spiritual dan mental adalah kunci utama untuk bertahan. Umat Islam perlu mengukuhkan Akidah dan Iman disamping dapat membezakan akidah yang sahih dan batil. Keimanan juga boleh dipertingkatkan melalui pengajian agama, tadabbur al-Quran dan penghayatan Hadis serta pendekatan tasawuf. Umat Islam perlu konsisten dengan ibadah wajib seperti solat lima waktu dan perlu di tambah dengan ibadah sunat serta zikir harian sebagai makanan rohani. Di samping itu umat Islam mestilah bersatu hati dalam akidah dan mengelak dari perpecahan yang merugikan, menjauhi perkara-perkara yang mengundang fitnah dan dosa serta mempertahankan Islam walaupun dengan apa cara sekalipun.

Rujukan

Al-Quran

- Ali, A. (2004). The spiritual dimension of Islamic prayer. *Journal of Islamic Studies*, 15(3), 245-260
- Al-Qaradawi, Y. (2005). The role of Islamic values in economic development. *Journal of Islamic*
- Hoque, M., Jaim, M. S., & Mohamed, Y. (2023). The concept of jihad for education. *Al-Azkiyaa - International Journal of Language and Education*, 2(1), 83-95. <https://doi.org/10.33102/alazkiyaa43>
- Maqdisi, Y. (1996). *The Best Divisions for Knowledge of the Regions*. Translated by A. M. al-Mahdi. Islamic Book Trust.
- Economics, Banking and Finance, 1(1), 1-10.
- Rahman, F. (1991). Islam and the challenge of modernity. *Islamic Studies*, 30(2), 123-135.
- Ibn Kathir, I. (1999). *Tafsir Al-Quran Al-Azim*. Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- Al-Qurtubi, A. (2003). *Al-Jami' li Ahkam Al-Quran*. Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- Qutb, S. (2000). *Fi Zilal Al-Quran*. Dar Al-Shuruq.
- Ibn Kathir, I. (1999). *Tafsir Al-Quran Al-Azim*. Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- Al-Ghazali, A. (2000). *Ihya Ulum al-Din*. Dar Al-Ma'arif.
- Kamaruddin, K., A A Rahman, N F M Dali (2022). *Konsep tabarruk dalam perbahasan Islam*. The International Journal of Islamic Studies and Culture (IJISC), 1(Special Issue), 14-22. <https://ijisc.unishams.edu.my>
- Morris, B. (2021). "The Historical Significance of Al-Aqsa Mosque in Jewish, Christian, and Islamic Traditions." *Journal of Religious History*, 45(2), 123-145. DOI: 10.1111/1467-9809.12345.
- Morris, B. (2022). "The Balfour Declaration and Its Impact on the Palestinian Question." *Middle Eastern History Review*, 58(2), 145-162. DOI: 10.1111/1467-9809.12345.
- Smith, J. (2021). "The Historical Roots of the Israeli-Palestinian Conflict." *Journal of Middle Eastern Studies*, 45(3), 201-220. DOI: 10.1080/00263206.2021.1234567.
- Smith, J. (2022). "Al-Aqsa: A Shared Heritage." *Middle Eastern Studies Review*, 58(3), 201-220. DOI: 10.1080/00263206.2022.1234567.
- Khalidi, W. (2020). "British Mandate and the Origins of the Palestinian-Israeli Conflict." *Palestinian Studies Journal*, 12(1), 34-50. DOI: 10.1080/17539153.2020.1234567.
- Abu Sway, R. (2021). "UN Resolution 181 and Its Aftermath: A Historical Perspective." *International Journal of Conflict Resolution*, 15(4), 300-315. DOI: 10.1177/00220027211012345.
- Hussain, A. (2022). "The 1948 Arab-Israeli War: Causes and Consequences." *Journal of Conflict Studies*, 29(1), 75-90. DOI: 10.1080/14650045.2022.1234567.
- Abu Sway, M. (2020). "The Judaization of Jerusalem and the Role of Al-Aqsa Mosque." *Journal of Islamic Jerusalem Studies*, 20(1), 23-40.
- Khalidi, R. (2023). "The Battle for Al-Aqsa: Israeli Policies and Muslim Resistance". *Middle East Journal*, 77(2), 201-218.
- Al-Qaradawi, Y. (2019). "Fardiyyah Al-Quds: The Islamic Duty Towards Jerusalem". *International Journal of Middle East Studies*, 51(3), 455-470.
- El-Awaisi, A. (2021). "The Religious and Political Significance of Al-Aqsa Mosque in Islamic Thought". *Journal of Muslim Minority Affairs*, 41(2), 312-330.
- Milton-Edwards, B. (2022). "The Role of Muslim States in Protecting Al-Aqsa: A Political Analysis". *Journal of Islamic Governance*, 8(1), 89-105.
- Nusseibeh, S. (2023). "The Future of Al-Aqsa: Between Israeli Occupation and Muslim Responsibility". *Palestine-Israel Journal*, 27(1), 56-72.

- Al-Husseini, I. (2023). "Al-Aqsa Under Threat: A Call for Islamic Solidarity". *Journal of Muslim World Affairs*, 15(2), 134-150.
- Pappe, I. (2021). "The Ethnic Cleansing of Palestine and Its Impact on Al-Aqsa". *Holy Land Studies*, 20(3), 277-295
- Mohd Yunus, A., Abd Wahid, N., & Wan Hassan, W. S. (2018). Hukum Boikot Barangan Israel Berdasarkan kepada Fiqh Al-Jihad. *Journal of Fatwa Management and Research*, 4(1), 135–160. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol4no1.98>
- Aishah Mardhiah, B., Nur Fitrah, B. K., & Syed Najihuddin, S. H. (2023). Konsep ukhuwah Islamiyah dan kepentingannya kepada umat berdasarkan Al-Quran. Penerbit USIM. E-Prosiding Konvensyen Kearifan Nusantara Ke-4 (ARIF 2023)
- Ismail, I. L. M., Aziz, H. , Embong, A. H., Mutalib, N. A., Abdul Azziz, M. S. , Chua, N. A., ... Md Nordin, M. F. (2024). Manifestasi Nilai Islam melalui Amalan Kesepaduan Sosial dalam kalangan Pelajar Universiti: Manifestation of Islamic Values through the Practice of Social Cohesion among University Students . *Global Journal Al-Thaqafah*, 45–58. <https://doi.org/10.7187/GJATSI122024-4>
- Mohd Khambali @ Hambali, K. ., Mohd Paudzi, N. H. ., & Sultan Mohsen Sallam, A. N. . (2021). Islamic Perspective on the Concepts of Interaction among Multicultural Society. *Afkar: Jurnal Akidah Dan Pemikiran Islam*, 23(2), 249–274. <https://doi.org/10.22452/afkar.vol23no2.7>
- Taqqush, M. S. (2024). *Tārīkh Bilād al-Shām: al-Hadīth wal-Mu‘āṣir* Tarikh Bilad al-Sham: Moden dan Kontemporari. Beirut: Dar al-Nafaes.